

# Menyingkap teori dan konsep kecerdasan intelek dalam pendidikan abad ke-21

UB 15.11.17 B4

## MINDA PENDIDIK

Oleh DR. ABDUL SAID AMBOTANG  
& MOHD NASIR RAYUNG

**INSTITUSI** keluarga, sekolah dan masyarakat merupakan sumber utama penyebaran ilmu pengetahuan yang akan membentuk kemahiran dan keupayaan imaginasi pelajar. Selaras dengan tuntutan sistem pembelajaran abad ke 21, pelajar perlu menunjukkan penguasaan yang tinggi dalam kecerdasan intelek (IQ). Kepentingan penguasaan kecerdasan intelek diterjemah dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menekankan penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan pelajar.

Tidak dapat dinafikan bahawa kecerdasan intelek merupakan asas kepada perkembangan teori kecerdasan yang ada pada hari ini. Kecerdasan intelek melibatkan keupayaan minda untuk menganalisis, membuat pertimbangan, berfikir secara abstrak, penggunaan bahasa dan visual untuk memahami sesuatu. Tumpuan awal konsep kecerdasan intelek hanya melibatkan perkembangan pemikiran manusia semata-mata. Namun, konsep kecerdasan intelek sebenarnya merangkumi tiga elemen yang saling berhubung dan berkombinasi antara satu sama lain.

Penguasaan pelajar terhadap ketiga-tiga elemen ini secara menyeluruh dan konsisten akan membentuk tingkat kecerdasan intelek yang tinggi.

Berdasarkan penelitian mendalam terhadap teori-teori kecerdasan intelek, adalah terbukti kebanyakan cendekiawan cenderung menjelaskan konsep kecerdasan intelek terhad kepada keupayaan minda semata-mata. Mereka berpendapat bahawa pengukuran kecerdasan intelek

boleh ditentukan dengan nilai skor pengukuran kecerdasan intelek melalui soal-an ujian minda yang pelbagai. Kaedah penentuan ini sebenarnya mempunyai asas penilaian yang konsisten. Namun konsep kecerdasan intelek harus dilihat dari sudut yang lebih luas. Hal ini kerana kecerdasan intelek seseorang memerlukannya untuk menguasai pengetahuan, kemahiran dan daya imaginasi yang tinggi. Penguasaan ketiga-tiga elemen ini secara menyeluruh akan menjadikan seseorang lebih jauh ke hadapan dalam aspek intelek.

Kesimpulan ini dibuat berdasarkan penelitian menyeluruh terhadap penyelidikan dan penulisan berkaitan konsep dan teori kecerdasan intelek yang dikemukakan oleh Al-Ghazali dan Steven Covey. Kombinasi penulisan kedua-dua tokoh berkenaan merupakan asas yang cukup untuk menerangkan konsep kecerdasan intelek secara menyeluruh. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, teori dan konsep kecerdasan intelek ini perlu dikuasai pelajar secara konsisten dalam membentuk penguasaan kecerdasan intelek yang menyeluruh. Penguasaan elemen pengetahuan, kemahiran dan keupayaan imaginasi akan membantu pelajar meningkatkan keupayaan pemikiran mereka selaras dengan keperluan semasa.

Sebagai pengenalan kepada perbincangan tiga elemen asas kecerdasan intelek penulisan ini, akan membincangkan setiap elemen dan bagaimana setiap elemen perlu digabungkan secara bersama dan teratur untuk meningkatkan keupayaan penguasaan kecerdasan intelek pelajar. Secara umum elemen pengetahuan merupakan asas kepada pembentukan kecerdasan intelek pelajar. Pengetahuan yang diperoleh pelajar datang dari pelbagai sudut hasil

daripada proses pembelajaran yang dilalui sama ada secara formal, in-formal atau non-formal. Persekitaran keluarga, sekolah dan masyarakat merupakan sumber pengetahuan yang akan membentuk pemikiran pelajar.

Pengetahuan pelajar terhasil daripada pengalaman, pembacaan, pengamatan dan penelitian terhadap sesuatu fenomena atau ilmu yang dipelajari dan akan disimpan dalam memori jangka panjang. Pengetahuan yang diperoleh ini akan mengayakan pemikiran pelajar tentang pelbagai perkara berkaitan kehidupan. Secara umum pengetahuan boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu pengetahuan mengisytiharkan dan pengetahuan melaksana. Pengetahuan mengisytiharkan hanya melibatkan penerangan yakni menjelaskan atau menghuraikan sesuatu perkara. Sebagai contoh, seorang pelajar memberi penjelasan berkaitan soalan yang ditanya oleh gurunya hanya memerlukan pengetahuan mengisytiharkan.

Berbeza dengan pengetahuan melaksana yang mana pelajar perlu menunjukkan pengetahuan itu melalui perbuatan atau tingkah laku. Sebagai contoh, ibu bapa yang mengajarkan anak mereka tentang nilai-nilai murni akan membantu pelajar untuk menunjukkan tingkah laku yang baik. Dalam masa sama pelajar akan memahami perbuatan betul atau salah tentang sesuatu tindakan. Secara langsung pengetahuan tentang nilai yang diterapkan ini akan kekal dalam pemikiran pelajar dalam bentuk pengetahuan yang perlu dilaksanakan.

Dalam konteks pendidikan formal di sekolah, pelajar akan didedahkan dengan ilmu pengetahuan mengikut mata pelajaran. Proses pengajaran dan pembelajaran yang dilalui pelajar akan menambahkan ilmu mereka dan kekal dalam

bentuk pengetahuan. Secara umum pengetahuan ini akan wujud dalam bentuk hafalan, ingatan atau kefahaman. Namun penguasaan pengetahuan dalam bentuk hafalan dan kefahaman tidak akan dapat dikembangkan dengan hanya memberi ilmu baharu kepada pelajar.

Justeru, pengetahuan yang diperoleh pelajar perlu diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Perlu difahami bahawa pengetahuan yang diperoleh pelajar hanya wujud dalam bentuk teori. Oleh yang demikian, pengetahuan tersebut perlu dikembangkan dan diaplikasikan dalam bentuk tindakan oleh pelajar.

Hasil daripada tindakan untuk mengaplikasikan pengetahuan yang ada akan membentuk elemen kemahiran pelajar. Secara umum pengetahuan mengisytiharkan dan pengetahuan melaksana yang dimiliki pelajar akan mewujudkan kemahiran yang pelbagai. Elemen kemahiran ini wujud selari dengan pengetahuan sedia ada yang dimiliki pelajar. Kemahiran merujuk kepada keupayaan seseorang untuk bertindak, melaksana, mempraktikkan dan menterjemah pengetahuan yang dimiliki. Dalam erti kata lain, kemahiran adalah jelmaan kepada pengetahuan mengisytiharkan dan pengetahuan melaksana pelajar dalam bentuk fizikal atau tindakan yang ditunjukkan.

Kemahiran yang dimiliki merangkumi segala bentuk kemahiran termasuklah kemahiran berfikir, kemahiran komunikasi, kemahiran sosial dan pelbagai lagi bentuk kemahiran yang diperoleh daripada pengetahuan yang dipelajari. Sebagai contoh, pelajar yang menggunakan pengetahuan tentang nilai murni yang diajarkan kepadanya akan membentuk kemahiran komunikasi dan sahsiah yang terpuji. Aplikasi pengetahuan

yang ditunjukkan pelajar akan membentuk kemahiran yang pelbagai dalam diri pelajar. Secara tidak langsung kemahiran yang ditunjukkan ini akan membawa kepada pembentukan pengetahuan baharu kepada pelajar selaras dengan situasi yang dihadapi pelajar.

Kombinasi kedua-dua elemen pengetahuan dan kemahiran ini akan meningkatkan penguasaan kecerdasan intelek pelajar. Hal ini kerana, pengetahuan dan kemahiran dalam diri pelajar akan saling berinteraksi antara satu sama lain selaras dengan situasi yang dihadapi. Namun penguasaan elemen pengetahuan dan kemahiran sahaja masih tidak dapat menggambarkan penguasaan kecerdasan intelek pelajar secara menyeluruh. Hal ini kerana kedua-dua elemen ini hanya bersifat rutin yang akan berlaku secara berulang.

Penguasaan kedua-dua elemen ini juga tidak akan dapat membantu pelajar untuk menyelesaikan masalah dalam situasi yang berbeza. Oleh yang demikian elemen keupayaan imaginasi perlu wujud dalam diri pelajar untuk digabungkan secara bersama dengan elemen pengetahuan dan kemahiran sedia ada pelajar. Imaginasi biasanya dikaitkan dengan kemahiran berfikir yang menggunakan fungsi otak. Pemikiran yang dijana oleh otak hanya wujud dalam bentuk visual atau bayangan. Namun bayangan ini akan memandu seseorang untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul. Proses inilah yang dipanggil sebagai kemahiran berimaginasi.

Penguasaan elemen imaginasi merujuk kepada keupayaan menggabungkan pengetahuan dan kemahiran sedia ada dalam bentuk bayangan untuk disesuaikan dengan persekitaran atau menyelesaikan sesuatu masalah baharu. Keupayaan ini juga akan membantu seseorang untuk mentransformasikan

pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki dalam bentuk yang lebih bermanfaat. Ada kalanya seseorang pelajar mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu bidang. Namun pelajar tidak dapat menyelesaikan masalah dalam situasi yang dihadapi dengan menggunakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada yang dimiliki.

Hal ini berlaku kerana pelajar berkenaan tidak mempunyai keupayaan imaginasi untuk memanipulasi pengetahuan dan kemahiran sedia ada yang dimiliki untuk menyelesaikan masalah itu. Ketidakeupayaan ini menunjukkan bahawa pelajar tersebut tidak menguasai kemahiran imaginasi. Perlu difahami bahawa keupayaan berimaginasi juga akan menghasilkan pengetahuan dan kemahiran baharu. Proses ini akan terus berlaku secara berulang dan berterusan sejajar dengan keperluan dan cabaran kehidupan semasa. Oleh yang demikian, pelajar perlu didedahkan dengan konsep dan teori imaginasi agar keupayaan ini dapat dikembangkan.

Sebagai rumusan kepada perbincangan ini, penulis mencadangkan kepada ibu bapa, golongan pendidik dan masyarakat untuk sama-sama membantu pelajar mengembangkan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan imaginasi pelajar dalam meningkatkan kecerdasan intelek mereka. Hal ini kerana keupayaan intelek pelajar yang kita lahirkan hari ini akan membentuk generasi berilmu yang akan meneruskan kejayaan negara pada masa hadapan.

-----  
\* Penulis adalah Pensyarah Kanan dan pelajar pascasiswazah di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah